

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

19 APRIL 2021

ISNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	SUNGAI KIM KIM TENAT	2
UTUSAN MALAYSIA	SUNGAI KIM KIM TENAT (DARI MUKA 1)	3
UTUSAN MALAYSIA	KINI BERUBAH 360 DARJAH APABILA MENJADI SUNGAI PALING TERCEMAR	4
NEW STRAITS TIME	SENIOR CITIZEN NABBED OVER ASSAULT ON MOTORIST	5



UTUSAN MALAYSIA

Ujian makmal dapati sumber air bahayakan hidupan akuatik, manusia

Sungai Kim Kim tenat

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

PASIR GUDANG: Sungai Kim Kim yang pernah menjejaskan hampir 6,000 penduduk termasuk pelajar sekolah akibat pencemaran sisa toksik pada Mac 2019 diletakkan dalam Kelas V yang dikategorikan sebagai paling tercemar dan tidak sesuai untuk sebarang kegunaan mengikut Standard Kualiti Air Kebangsaan (NWQS).

Utusan Malaysia yang mengambil sampel air di anak Sungai Kim Kim iaitu Sungai Selangkah yang bersambungan mendapati pengelasan bagi kualiti air dan kegunaan di situ juga berada dalam kelas sama.

Kedua-dua sampel air diambil kira-kira pukul 10 pagi dan 10.30 pagi, 5 Mac lalu dengan kerjasama sebuah makmal bebas bertauliah di Johor Bahru.

Makmal tersebut melakukan ujian lebih dua minggu bagi mendapatkan keputusan tepat.



Pencemaran Kelas V

Ujian bebas ke atas sampel air di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang yang diambil pada 5 Mac lalu mendapati sungai itu sangat tenat sehingga tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI


Bersambung di muka 6



UTUSAN MALAYSIA

6 UTUSAN MALAYSIA
ISNIN - 19 APRIL 2021

Dalam Negeri



DUA kakitangan sebuah makmal bebas melakukan kerja-kerja mengambil sampel air Sungai Kim Kim, di Johor baru-baru ini. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Sungai Kim Kim tenat

Dari muka 1

Berdasarkan saranan pakar, pengambilan kedua-dua sampel air itu menggunakan peralatan khas iaitu van dorm water sampler tanpa perlu turun ke tebing terkenca pericaran air sungai terbabat.

Ketika tiba di lokasi pertama di Sungai Selangkah di Jalan Pasir Putih, permukaan air Sungai Selangkah kelihatan gelap seakan-akan minyak berwarna hitam.

Di lokasi kedua iaitu hilir Sungai Kim Kim berdekatan jambatan menuju ke Tanjung Langsat pula warna air tidak terlalu gelap berbanding air di Sungai Selangkah.

Keputusan makmal pada 22 Mac mendapati parameter bagi Kepekuan Oksigen BioKimia (BOD) di Sungai Kim Kim didapati berada pada tahap 16 mg/L, melebihi kadar sepatutnya bagi sungai Kelas III yang hanya sekitar 6 mg/L.

Namun, BOD bagi Sungai Selangkah lebih mengejutkan apabila bacaan direkodkan terlalu tinggi iaitu 88 mg/L iaitu berkali ganda dari Sungai Kim Kim. Bagaimanapun, kedua-dua bacaan itu tetap berada dalam kelas tercorot NWQS iaitu Kelas V dengan trafik paling tercemar.

Ini bermakna, kedua-dua sungai itu tercemar dengan bahan organik yang penguraiannya menyebabkan kejatuhan oksigen terlarut di dalam sungai dan

sekali gus memberi kesan buruk kepada hidupan akuatik.

Bagi parameter Ammonia as N, bacaan menunjukkan tahap 10.2 mg/L di Sungai Kim Kim, manakala 17.3 mg/L di Sungai Selangkah yang sekali lagi meletakkan kedua-dua batang sungai tersebut berada pada kelas terendah dalam NWQS iaitu Kelas V. Malah, kadar pencemaran ammonia yang tinggi turut menjadi toksik kepada banyak hidupan.

Pada masa sama, kedua-dua angka itu juga amat jauh daripada had bagi sungai Kelas I untuk tahap ammonia yang sepatutnya berada pada bacaan 0.1 mg/L atau setidak-tidaknya tergolong dalam Kelas III yang hanya sekitar 0.9 mg/L.

Sementara itu, keputusan ujian mikrobiologi terhadap air Sungai Kim Kim juga memaparkan bacaan *Escherichia coli* atau *E. coli* yang tidak 'sepatutnya' apabila sebanyak 410,000 CFU/100mL direkod sekali gus menyaksikan perbezaan berkali ganda berbanding hanya 400 CFU/100mL dalam Kelas IIB yang boleh digunakan untuk tujuan rekreasi.

Namun, bacaan *E. coli* di Sungai Selangkah tidak tinggi iaitu 10,000 CFU/100mL dan tergolong dalam Kelas IIB. Bagaimanapun, jika dibandingkan dengan Standard Kebersihan Kualiti Air Rekreasi Semulajadi di bawah Kementerian Kesihatan pula, kedua-dua bacaan *E. coli* melebihi paras 1,000 CFU/100mL untuk aktiviti

rekreasi air sentuhan sekunder.

Dalam pada itu, Pakar Kualiti Air dan Permodelan, Dr. Zaki Zainuddin berkata, sisa buangan industri dan kumbahan menyumbang kepada kadar pencemaran tinggi sehingga menjejaskan hidupan sekeliling dan memberi kesan kepada manusia.

Beliau yang membuat kajian ke atas Sungai Kim Kim sejak 2012 berkata, setiap sungai memiliki *carrying capacity* atau kapasiti menerima bahan pencemar, namun jika terpaksa menanggung bahan pencemar tertentu sehingga melebihi had, keadaan itu akan mengubah sifat semula jadi sungai.

"Dalam situasi Sungai Kim Kim dan Sungai Selangkah, ia sebenarnya sudah lama tercemar dan kejadian pada Mac 2019 itu bertambah buruk disebabkan terdapat penemuan pembuangan haram 'tambahan' oleh pihak tidak bertanggungjawab sehingga memberi kesan kepada penduduk dan pelajar.

"Sebagai contoh, sekiranya tahap organik tinggi, oksigen yang diperlukan oleh hidupan dalam sungai akan terjejas kecuali hidupan akuatik seperti ikan keli yang 'lasak' mampu meneruskan kehidupan berbanding spesies lain," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada Mac 2019, pencemaran toksik di Sungai Kim Kim mejejaskan hampir 6,000 penduduk termasuk pelajar sehingga 111 sekolah di kawasan Pasir Gudang diarahkan tutup buat sementara waktu.



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 19 APRIL 2021 7

Dalam Negeri

Kini berubah 360 darjah apabila menjadi sungai paling tercemar

'Dulu boleh mandi, udang pun ada'

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM
utusannews@mediamula.com.my

PASIR GUDANG: Jika mengimbu kisah lama keadaan Sungai Kim Kim, pasti ramai yang berharap mereka dapat kembali ke zaman itu untuk menikmati kejernihan aliran air di sungai tersebut.

Namun, hakikat sebenar terpaksa dihadapi penduduk berdekatan tebing sungai tersebut kini apabila sungai yang pernah menjadi sumber rezeki mereka itu sudah berubah 360 darjah ekoran keadaan yang sangat tercemar.

Penduduk Kampung Bukit Pulai, **Hadlisuri Rabu**, 45, yang sudah 30 tahun menetap di kawasan itu antara yang merindui suasana Sungai Kim Kim ketika zaman remajanya.

Memurutnya, perbezaan antara kini berat langit dan bumi apabila bukan sahaja mahu menangkap ikan yang sememang sudah banyak pupus, tetapi mahu mendekati kawasan tebing sungai untuk berehat pun mereka tidak sanggup.

"Saya masih ingat waktu muda-muda dahulu, air Sungai Kim Kim amat jernih dan mempunyai pelbagai hidupan seperti udang galah, ketam dan ikan sembilang yang turut menjadi luhuk rezeki penduduk.

"Tetapi, kalau tengok keadaan sungai pada hari ini, saya tidak rasa hidupan-bidupan itu masih banyak atau ada, tambahan pula selepas kejadian pembunuhan sisa toksik yang dikesan pada bulan Mac dua tahun lepas", katanya kepada Utusan Malaysia.

Hadlisuri yang menjadi antara 6,000 penduduk terjejas akibat tragedi terbahit berkata, pihak berkuasa seharusnya kerap menjalankan pemantauan kualiti air supaya kebersihan sungai dapat dipelihara dan bukan hanya bertindak apabila laporan dibuat.

"Sungai ini berhampiran dengan kawasan perumahan, sekolah dan kolam ikan. Apabila berlaku pencemaran sisa buangan seumpama ini, dikhuatiri turut terjejas kerana air sungai akan mengalir ke sana.

"Saya mengharapkan pihak berkaitan turun padang, bukan hanya melawat kawasan apabila berlaku insiden kerana tanpa kerjasama semua, penduduk



PENDUDUK Kampung Bukit Pulai, Nur Satria Rabu menunjukkan keadaan air Sungai Kim Kim yang terdedah pada pencemaran. — UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI



KAWASAN bertanda merah merupakan dua lokasi pengambilan sampel air, manakala garisan berwarna kuning adalah jajaran Sungai Kim Kim yang tercemar.

yang menanggung akibatnya," katanya.

Seorang lagi penduduk, **Nur Satria Rabu**, 32, berkata, mereka khuatir tragedi 2019 beru-

lang selepas kerap kali melihat keadaan permukaan air yang seakan-akan memaparkan seperti sisa minyak serta berbau busuk.

Katanya, sisa buangan itu menyebabkan air sungai bertukar warna menjadi kehitaman selain mengeluarkan bau busuk seakan bau getah.



HADLISURI RABU



NUR SATRIA RABU

"Kejadian itu beberapa minggu lalu. Mujur ketika itu hujan lebat, sisa itu dihanyutkan arus deras dan nasib baik juga hujan dengan lama, risau juga air sungai yang kotor itu mengalir hingga ke rumah pula.

"Air yang tercemar itu juga secara tidak langsung merosakkan enjin bot milik penduduk yang rata-ratanya mempunyai kerja hakiki sebagai nelayan," katanya.

Sementara itu, seorang sukarelawan yang pernah menyertai program gotong-royong di Sungai Kim Kim, **Badarudin Jamal**, 54, berkata, aktiviti itu diharap dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar, sekali gus menambah baik kualiti hidup penduduk di kawasan berhampiran.

"Dengan menumpukan lokasi terjejas seperti Sungai Kim Kim, komuniti perlu lebih proaktif melibatkan diri menjaga sungai demi kebaikan bersama bagi jangka masa yang panjang. Aktiviti ini langkah terbaik bagi mengalakkan mereka memainkan peranan bersama-sama," katanya.



NEW STRAITS TIME

Monday 19/4/2021
 New Straits Times, pg 12

Senior citizen nabbed over assault on motorist

JOHOR BARU: Police have arrested a senior citizen, 61, in connection with an assault on a motorist, who was blamed for causing an accident in Jalan Taman Cendana-Masai, Pasir Gudang here three days ago. Seri Alam district police chief Superintendent Mohd Sohaimi Ishak said the man was picked up at his home in the city on Friday night. "The man has been remanded for six days beginning today (Saturday), and police are still tracing three other individuals in connection with the case." Two days ago, a video went viral showing the 18-year-old driver of a Proton Wira being beaten up by several road users who held him responsible for an accident involving a Honda EX5 ridden by a woman at a traffic light intersection. The woman, 38, sustained injuries to her head, legs and hands. The motorist suffered injuries on his head, face and right leg, and broke his nose and fingers in the assault. **Bernama**

